



PROGRAM PINJAMAN PELAJARAN MARA KE MESIR DAN JORDAN *STPM / STAM EXCELLENCE PROGRAMME* **STEP 2023**

Majlis Amanah Rakyat (MARA) menawarkan pinjaman pelajaran dalam bentuk pinjaman boleh ubah kepada pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Al-Azhar, Mesir dan universiti terpilih di Jordan. Program ini bertujuan melahirkan bakal pemimpin negara dan meningkatkan bilangan tenaga kerja yang lebih kompetitif dan boleh bersaing di peringkat antarabangsa.

Permohonan Secara Dalam Talian



Sila layari <https://educationloan.mara.gov.my>

Bahagian Penganjuran Pelajaran, Tingkat 10, Ibu Pejabat MARA
21 Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur

Permohonan yang tidak lengkap atau lewat tidak akan diproses.



majlisamanahrakyat



majlisamanahrakyat



maragov

SYARAT KELAYAKAN

Pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:-

SYARAT UMUM

Pemohon DAN salah seorang ibu ATAU bapa adalah bertaraf Bumiputera dan warganegara Malaysia



Had umur pemohon pada **31 Disember 2023** adalah minimum 19 tahun dan tidak melebihi 30 tahun semasa permohonan dibuat.

Belum mempunyai kelayakan akademik bagi peringkat yang dimohon



Pemohon perlulah mendapatkan pengesahan dari doktor bertauliah bahawa pemohon adalah sihat dan boleh melanjutkan pengajian.

Pemohon/Ibu/Bapa/Penjaga/Penjamin/Pasangan tidak termasuk dalam senarai hitam (blacklisted) MARA atau dalam tindakan Undang-Undang MARA.



Tidak pernah menerima tajaan/bantuan kewangan daripada mana-mana penaja/agensi lain bagi peringkat pengajian yang sama.

Pemohon mendapat pelepasan/penangguhan kontrak perkhidmatan atau bayaran balik pinjaman daripada badan penaja lain. Bagi pemohon yang sedang dalam perkhidmatan perlu mendapat kelulusan cuti belajar atau pengesahan bertulis daripada majikan.



Pemohon tidak pernah ditamatkan bantuan oleh mana-mana badan penaja atas sebab tindakan disiplin, menyalahi undang-undang negara serta tidak pernah diberhentikan oleh mana-mana Institusi Pengajian atas masalah akademik/disiplin.

Pemohon yang telah memiliki kelayakan akademik bagi peringkat pengajian yang sama dengan permohonan ini TIDAK akan dipertimbangkan.



SYARAT KHUSUS

1

Terbuka kepada pelajar:



- Baharu yang telah berjaya mendapat surat tawaran daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia atau;
- Sedia ada yang sedang melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti terpilih perlu mengemukakan Surat Tawaran Universiti dan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia seperti senarai di **LAMPIRAN 1**.

2

Bidang atau kursus yang diambil mestilah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Badan-badan Profesional di Malaysia.



3

Pemohon hanya boleh mengikuti bidang yang dinyatakan seperti di dalam **LAMPIRAN 1** sahaja. Bidang selain dinyatakan tidak termasuk di dalam program STEP MARA.



SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

1

Syarat kelayakan akademik bagi mengikuti pengajian **Ijazah Pertama di Mesir** adalah seperti berikut:

BIDANG : PENGAJIAN ISLAM

KELAYAKAN AKADEMIK

Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) / setaraf memperoleh sekurang-kurangnya keputusan JAYYID JIDDAN (80%-89%)

SYARAT TAMBAHAN

Lulus (**najah**) dalam peperiksaan kemasukan ke Universiti Al-Azhar (**Imtihan Qabul**) atau telah mengikuti pengajian ijazah pertama dengan baki tempoh pengajian tidak kurang dari 1 tahun.

BIDANG : AL-QURAN DAN AL-QIRAAT

KELAYAKAN AKADEMIK

Diploma Qiraat atau setaraf DAN memperoleh sekurang-kurangnya keputusan Jayyid Jiddan diiktiraf oleh Universiti Al-Azhar.

SYARAT TAMBAHAN

Lulus (**najah**) dalam peperiksaan kursus bahasa untuk kemasukan ke Universiti Al-Azhar (**Iktibar Lughawi**) dan lulus Tapisan Keselamatan (**Mufaqqah Amniyah**).

2

Syarat kelayakan akademik bagi mengikuti pengajian **Ijazah Pertama (Pelajar Sedia Ada) di Jordan** adalah seperti berikut:

BIDANG : PENGAJIAN ISLAM

KELAYAKAN AKADEMIK

Memperoleh keputusan peperiksaan tahunan/semester terdahulu dengan pangkat sekurang-kurangnya JAYYID JIDDAN (80%-89%) ATAU CGPA minimum 3.00 yang setaraf dengannya bagi semester peringkat terdahulu.

SYARAT TAMBAHAN

Lulus (**najah**) dalam peperiksaan kemasukan ke Universiti terpilih di Jordan (**Imtihan Qabul**) dan sedang mengikuti pengajian ijazah pertama dengan baki tempoh pengajian tidak kurang dari 1 tahun.

SENARAI INSTITUSI YANG DIKTIRAF OLEH UNIVERSITI AL-AZHAR DALAM BIDANG AL-QURAN DAN AL-QIRAAT

NAMA INSTITUSI/MAAHAD

KESETARAAN



Darul Quran Jabatan
Kemajuan Islam
Malaysia (JAKIM),
Selangor Darul
Ehsan.

Peringkat pembelajaran Ilmu Tajwid dan A'liyah
(Diploma) setaraf dengan Peringkat di Maahad
Al-Qiraat Al-Azhar As-Syarif



Maahad Tahfiz
Al-Quran dan Al
Qiraat Pulai
Chondong, Kelantan
Darul Naim.

Peringkat pembelajaran Ilmu Tajwid dan A'liyah
(Diploma) setaraf dengan Peringkat di Maahad
Al-Qiraat Al-Azhar As-Syarif



Kolej Hafiz Klang,
Selangor Darul
Ehsan.

Peringkat pembelajaran Ilmu Tajwid dan A'liyah
(Diploma) setaraf dengan Peringkat di Maahad
Al-Qiraat Al-Azhar As-Syarif



Kolej Islam
Antarabangsa Sultan
Ismail Petra (KIAS),
Kelantan Darul
Naim.

Peringkat pembelajaran Ilmu Tajwid dan A'liyah
(Diploma) setaraf dengan Peringkat di Maahad
Al-Qiraat Al-Azhar As-Syarif

TEMPOH PINJAMAN

Tempoh pinjaman bagi pemohon baharu adalah berdasarkan tempoh pengajian sebenar manakala bagi pemohon sedia ada baki tempoh pengajian tidak kurang dari 1 tahun.

PERMOHONAN



Permohonan perlu dibuat secara dalam talian (online) di <https://educationloan.mara.gov.my> bermula **31 Oktober 2023** hingga **14 November 2023, 11.59 malam (Waktu Malaysia)**



Pemohon hendaklah memastikan maklumat diisi dengan lengkap sebelum dihantar. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat tidak akan diproses.



Permohonan yang telah dihantar **TIDAK** boleh diubah dan di kemaskini.



Dokumen sokongan seperti yang tertera dalam panduan permohonan program perlulah dimuat naik ke dalam sistem MyEduloan.



Pemohon perlu sentiasa menyemak status permohonan yang telah dihantar dalam sistem MyEduloan dari semasa ke semasa di pautan <https://educationloan.mara.gov.my>.



Hanya pemohon yang **berjaya** dan **menerima tawaran** perlu mencetak dan menghantar dokumen yang berkaitan kepada MARA.



Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak MARA selepas tiga (3) bulan daripada tarikh iklan adalah dianggap **tidak berjaya** dan **keputusan adalah muktamad**.



MARA berhak pada bila-bila masa menamatkan atau menarik balik tawaran pinjaman sekiranya pemohon didapati memberi maklumat palsu.

SENARAI BIDANG DAN UNIVERSITI TERPILIH BAGI PROGRAM STEP 2023

MESIR

BIDANG

PENGAJIAN ISLAM

Fiqh Wa Usul
Syariah Islamiah
Syariah dan Undang-undang
Usuluddin
Dakwah Islamiah
Dirasat Islamiah

UNIVERSITI

University of Al-Azhar

BIDANG

PENGAJIAN AL-QURAN & AL QIRAAT

Al-Quran & Al-Qiraat

UNIVERSITI

University of Al-Azhar

JORDAN

BIDANG

PENGAJIAN ISLAM

Fiqh Wa Usul
Syariah Islamiah
Syariah dan Undang-undang
Ekonomi Islam
Dakwah Islamiah
Usuluddin

UNIVERSITI

World Islamic Science & Edu University (Wise)
University Al-Bayt
University Of Jordan
University Of Mu'tah
Yarmouk University

BIDANG

PENGAJIAN AL-QURAN & AL QIRAAT

Al-Quran & Al-Qiraat

UNIVERSITI

World Islamic Science & Edu University (Wise)



Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui e-mel dari pukul 09.00 pagi hingga pukul 04.30 petang (Isnin-Jumaat) seperti berikut:

Mengenai program, sila e-mel ke:
step@mara.gov.my

Mengenai masalah teknikal semasa permohonan, sila e-mel ke:
ictbpp@mara.gov.my

Bahagian Penganjuran Pelajaran
Tingkat 10, Ibu Pejabat MARA
21, Jalan MARA
50609 Kuala Lumpur

**Keusahawanan
& Pendidikan *Global***
Majlis Amanah Rakyat